

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S230/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Sebahagian Jalan Pelanduk 1, 2, 3, 4, Taman Suntex, Zon 2, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G1	CE21	RM100.00	10 September 2024 Hingga 24 September 2024
MPKj S231/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Sebahagian Jalan Sentosa 1,2,6,10, Taman Desa Sentosa, Zon 1, Hulu Langat, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S232/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Bangi Permai 1 Dan 3, Zon 18, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G2			
MPKj S233/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Teras Jernang Jaya 1, Teras Jernang Jaya 2, Teras Jernang Jaya 3, Taman Teras Jernang Jaya, Zon 17, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S234/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Panglima, Bandar Mahkota Cheras, Zon 3, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S235/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Prima Saujana 2/3, 2/3A, 2/3B, 2/3C, 2/3D, 2/3E, 2/3F Dan 2/4, Taman Prima Saujana, Zon 12, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S236/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan TKC 2/1, 2/2, 2/3, 2/4, 2/5, 2/6, 2/7 Dan 2/8, Taman Kota Cheras, Fasa 2, Zon 2, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S237/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Hiew Piow, Sebahagian Jalan Hiew Piow 2, Jalan Hiew Piow 3, Sebahagian Jalan Hiew Piow 4, Jalan Hiew Piow 5, Taman Hiew Piow, Zon 21, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S238/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 2/4, Jalan 3, Jalan 3/1, Jalan 3/2, Jalan 3/3, Jalan 3/4 Dan Jalan 4, Taman Sri Indah, Zon 8, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G2	CE21	RM150.00	10 September 2024 Hingga 24 September 2024
MPKj S239/2024	Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Secara "Mill & Pave" Di Jalan P4/6, Bandar Teknologi Kajang, Zon 19, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya				
MPKj S240/2024	Cadangan Membekal Dan Memasang 'Entry Statement' Di Pintu Masuk Ke Kawasan Pentadbiran MPKj, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **10 SEPTEMBER 2024 HINGGA 24 SEPTEMBER 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 24 SEPTEMBER 2024 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.